

# Murtad: Penjelasan lebih baik daripada hukuman

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak perlu mengemaskinikan undang-undang untuk mencegah kejadian murtad di kalangan umat Islam dan saudara baru, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, beliau menegaskan kerajaan akan terus mendekati

BH 28 SEP 1987  
mereka yang terabit secara bijaksana dan memberi penjelasan mengenai agama Islam.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Perpaduan Ummah di Pusat Islam di sini hari ini, Perdana Menteri berkata kerajaan juga tidak bercadang mengambil sebarang tindakan ke atas saudara baru yang kembali memeluk agama asalnya kerana ini mungkin memberi kesan yang buruk.

Bellau mengingatkan setiap rakyat, khususnya umat Islam, supaya jangan terlalu mudah menghukum orang lain murtad.

"Kita tidak boleh terlalu mudah memurtadkan orang kerana itu sama dengan mengka-firkan mereka," katanya.

Menurutnya, umat Islam juga tidak boleh berpegang kepada satu perkara sahaja yang dipetik daripada al-Quran untuk menjatuhkan sesuatu hukuman tanpa menghayati dan memahami keseluruhan isi kitab suci itu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kesal dengan tindakan golongan tertentu seperti di Kedah dan Terengganu yang cuba memisahkan umat Islam dengan pelbagai cara, termasuk menubuhkan kampung dan masjid sendiri.

"Apa yang dikesalkan, golongan berkenaan mewujudkan kampung-kampung dan masjid untuk satu golongan sahaja tanpa mengambil kira kepentingan umat Islam lain," katanya.

## Kasino

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyifatkan kegiatan itu masih di peringkat awal dan kerajaan sedang mengikuti perkembangannya.

Mengulas laporan akhbar mengenai sebuah anak syarikat Fleet dan Syarikat Faber Merlin yang kononnya ingin membuka kasino di rantau Pasifik, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

"Itu hanya laporan akhbar," katanya.

Menjawab soalan lain sama ada Umno akan membenarkan syarikat itu menjalankan perniagaan kasino, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan beliau tidak tahu kerana tidak mendapat sebarang maklumat mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan Fleet dan Faber Merlin bukan milik Umno seratus peratus.

"Umno tidak memiliki semuanya. Orang lain pun ada juga yang jadi pemiliknya," jelasnya.